



TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI HAJI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PERPADUAN
DAN KESEJAHTERAAN PARLIMEN TANJONG KARANG
TAHUN 2018**

TARIKH : 1 APRIL 2018 (AHAD)

MASA : 10.00 PAGI

**TEMPAT : PADANG ASTAKA,
TANJONG KARANG**

KATA ALUAN

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Wong Lai Lin
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi
Wakil-wakil Pihak Media
Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Anggota
Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang saya hormati sekalian,

**Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Karnival Perpaduan dan Kesejahteraan Parlimen Tanjong Karang Tahun 2018.
2. Karnival ini bukanlah satu karnival yang berunsurkan keceriaan semata-mata tetapi satu bentuk penjenamaan semula Program Transformasi Sosial (PTS). Dalam penjenamaan semula PTS, KPKT telah mengadakan *engagement* dengan penduduk setempat dan mengenal pasti apakah keperluan dan kecenderungan penduduk setempat.
3. Dalam hal ini penduduk Tanjong Karang lebih tertumpu kepada Kebun Komuniti. Sementara aktiviti dan gerak kerja lain seperti MyBomba JPP, COMBI-LA dan 3R telah pun dilaksanakan dan disenggara dengan baik.
4. Dalam majlis yang dianjurkan oleh JPP Zon 2 dengan kerjasama KPKT dan Parlimen Tanjong Karang ini, kita turut mengundang JPP-JPP dari Zon-Zon lain yang bakal menerima peruntukan geran Kebun Komuniti. Justeru itu, dalam penganjuran Karnival ini fokus utama adalah 1 Park 1 Community (1P1C) yang diterajui oleh Jabatan Landskap Negara (JLN).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Inilah yang kita hendak semua JPP di seluruh negara contohi dan anjurkan di tempat masing-masing. Seperti yang telah diketahui, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan

transformasi pengurusan bandar bagi meningkatkan penyertaan rakyat (*public participation*) dalam menangani isu-isu perbandaran untuk kesejahteraan penduduk bandar. Inisiatif ini adalah pemangkin kesejahteraan rakyat dalam menggerakkan rakyat bandar untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial yang sedang dan bakal dilaksanakan agar dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh pelbagai pihak, sekaligus dapat merapatkan hubungan emosi antara rakyat bandar dengan Kerajaan. Penglibatan komuniti setempat adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan harmoni.

6. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku Pihak Berkuasa Melantik Anggota JPP amat berterima kasih atas kesediaan YBhg. Dato'/tuan-tuan/puan-puan untuk menggalas tanggungjawab dan amanah serta mengembleng tenaga dalam melaksanakan tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh anggota JPP dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

7. Oleh yang demikian, sukacita YBhg. Dato'/tuan-tuan/puan-puan diingatkan perlu supaya memberi fokus yang sewajarnya dalam memainkan peranan sebagai anggota JPP supaya tidak tersasar daripada matlamat asal tiga (3) objektif utama penubuhan JPP iaitu :

- (i) menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat;
- (ii) membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- (iii) mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

8. Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2018, sebanyak 2,276 zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung dan seramai 19,013 anggota JPP telah dilantik. Ini adalah selaras dengan hasrat untuk memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Antara Gerak Kerja JPP yang digariskan adalah Gerak Kerja Komuniti Indah (1P1C). 1PIC diperkenalkan oleh Jabatan Landskap Negara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan untuk Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP). Terdapatnya 3 sub-program di bawah 1PIC iaitu Kejiranan Hijau (*Green Neighbourhood*), Kebun Komuniti (*Community Garden*) dan i-MAN (Indah dan Nyaman). Pelaksanaan 1PIC bertujuan untuk memperkasakan usaha-usaha masyarakat bagi memperindah dan memperbaiki landskap persekitaran kawasan kejiranan.

10. Kejiranan Hijau (*Green Neighbourhood*) adalah aktiviti mengindah dan menceriakan kawasan perumahan atau kejiranan melalui aktiviti-aktiviti perlandskap rumah individu dan koridor jalan secara sukarela dan gotong-royong bagi membentuk satu persekitaran kediaman yang cantik, indah dan mempunyai identiti atau karakter tersendiri. JPP boleh bertindak sebagai platform untuk komuniti setempat menjalankan aktiviti pengindahan di kawasan kejiranan secara sukarela. Selain itu, JPP juga berperanan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mencintai alam semulajadi dan landskap.

11. Kebun Komuniti (*Community Garden*) merupakan aktiviti penanaman dan penjagaan tanaman makanan oleh komuniti setempat di dalam kawasan atau tapak yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kebun Komuniti dapat menyediakan peluang secara kolektif untuk komuniti setempat berkebun sambil berekreasi bagi menghasilkan produk makanan untuk kegunaan sendiri. Pelaksanaan Kebun Komuniti juga boleh menambah pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup serta dapat memperolehi produk tanaman yang segar. Dalam menjayakan program Kebun Komuniti ini, JPP perlu menjadi penghubung untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan pelaksanaan dari agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, PBT, JLN dan sebagainya.

12. Bagi sub-program i-MAN (Indah dan Nyaman) pula merupakan aktiviti penjagaan dan pemuliharaan kawasan lapang yang meliputi taman poket, taman kejiranan dan lot-lot permainan melalui aktiviti gotong-royong penyelenggaraan tanaman, pembaikan kecil landskap kejur dan pencegahan perbuatan 'vandalism' atau laku musnah. Kebanyakan kawasan lapang tidak mampu diselenggara oleh PBT, oleh yang demikian melalui program i-MAN masyarakat setempat boleh memainkan peranan penting untuk menjaga dan memelihara kemudahan di kawasan tersebut.

13. Sehubungan itu, saya berharap program-program yang dilaksanakan di bawah program 1P1C dapat meninggalkan impak yang positif kepada rakyat serta memantapkan lagi peranan JPP dalam mewar-warkan program-program yang dikendalikan oleh Kerajaan demi kesejahteraan rakyat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap kepentingan rakyat dan sering mendahulukan rakyat dalam mentadbir negara ini. Dalam apa-apa jua perancangan atau program pembangunan negara kepentingan rakyat sentiasa diberikan keutamaan dan didahulukan.

15. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan kepada semua pihak yang telah menjayakan dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.